



Headline: Dua wanita rugi RM9,250 akibat ditipu 'Macau Scam'
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)
Date: 19 March 2022

Language: Malay
Section: Tempatan
Page: 2

Dua wanita rugi RM9,250 akibat ditipu 'Macau Scam'

SIBU: Dua wanita mengalami kerugian berjumlah RM9,250 dalam dua kes berasingan setelah menjadi mangsa penipuan 'Macau Scam.'

Pemangku Ketua Polis Daerah Sibu Superintenden Dr Collin Babat berkata, kes pertama melibatkan seorang pelajar berusia 18 tahun yang kerugian RM930, manakala seorang peniaga dalam talian berusia 42 tahun rugi RM8,320.

"Dalam kes pertama, pelajar perempuan tersebut berada di rumahnya di Kampung Bahagia Jaya di sini, jam 2.10 petang Khamis apabila menerima panggilan daripada seorang lelaki yang memperkenalkan dirinya pegawai polis dari Ibu Pejabat Daerah Kuantan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Collin berkata, suspek kemudian memberitahu namanya

terlibat dengan jenayah pengubahan wang haram lalu diminta untuk memindahkan semua wang miliknya ke dalam satu akaun untuk tujuan semakan transaksi dalam akaunnya.

Mangsa yang percaya dengan kata-kata suspek memindahkan sejumlah wang menerusi pemindahan dalam talian ke akaun bank atas nama seorang lelaki kira-kira jam 3.41 petang hari yang sama.

"Pengadu kemudian diminta menunggu antara satu hingga dua jam untuk membolehkan semakan dilakukan.

"Namun selepas tempoh itu, pengadu cuba menghubungi suspek tetapi panggilannya disekat," jelas beliau.

Bagi kes kedua, mangsa memberitahu beliau menerima panggilan daripada 'Pegawai Bank Negara' yang memaklumkan mangsa mempunyai

tunggakan berjumlah RM4,728 dalam akaun kad kreditnya.

Susulan itu, mangsa diminta melaporkan hal itu kepada seorang pegawai bernama 'Encik Chong' untuk tujuan semakan.

"Pengadu juga diminta menyerahkan nombor kata laluan serta 'OTP' atau kata laluan satu kali untuk proses tersebut.

"Tidak lama kemudian, pengadu menerima pesanan ringkas daripada bank bahawa RM8,320 telah dipindahkan dari akaunnya kepada akaun milik orang lain," katanya.

Menyedari ditipu, mangsa membuat laporan polis di Balai Polis Sungai Merah di sini petang kelmarin.

Katanya, kedua-dua kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.